

Solat Tahiyatul Masjid

DAHULUKAN SOLAT TAHIYATUL MASJID SEMASA AZAN, BUKAN TUNGGU

Syeikh Daud al-Fatoni Rodiyallahu Anhu ditanya: Apabila bertembung antara solat sunat Tahiyatul Masjid dan menjawab seruan muazzin, adakah dituntut supaya menjawab seruan muazzin dahulu dan selepas itu barulah mengerjakan solat sunat Tahiyatul Masjid atau terus mengerjakan solat sunat Tahiyatul Masjid tanpa perlu menunggu untuk menjawab seruan muazzin?

Syeikh Daud al-Fatoni menjawab: Jika bertembung antara dua perkara tersebut iaitu antara menjawab seruan muazzin dan solat sunat Tahiyatul Masjid, hendaklah ia meraikan (mendahulukan) solat sunat Tahiyatul Masjid.

Ada qaul (pendapat) mengatakan bahawa jika sekiranya dia menunggu agak lama pada uruf semata2 untuk menjawab seruan muazzin, maka luputlah baginya solat sunat Tahiyatul Masjid kerana berpandukan daripada maksud hadis Nabi yang menyebut: Sesiapa yang masuk ke dalam masjid hendaklah dia segera mengerjakan solat sunat Tahiyatul Masjid dua rakaat.

(Tetapi amalan kebanyakan orang kita masa kini, mereka lebih suka berdiri lama semata2 untuk menjawab seruan muazzin dan selepas itu baru mengerjakan solat sunat Tahiyatul Masjid, inilah suatu kesalahan yang perlu diperbetulkan)

Rujukan Kitab Furu' al Masail Syeikh Daud al-Fatoni Rodiyallahu Anhu